

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Ilahi kerana dengan izin-Nya saya telah dapat menyelesaikan laporan kajian ini. Sepanjang kajian ini dilaksanakan, sumbangan saya terima dalam pelbagai bentuk seperti bimbingan, pandangan, tunjuk ajar, kerjasama dan sokongan moral daripada banyak pihak.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Dr. Suradi Salim yang telah membimbing dan memberikan teguran sehingga terhasilnya laporan kajian ini.. Ucapan terima kasih kepada Dr. Amla Haji Mohd. Salleh yang telah memberikan kebenaran menggunakan alat SDS serta memberikan dorongan terhadap pengendalian kajian ini. Kepadanya saya ucapkan setinggi terima kasih dan semoga Allah memberkati usaha murni beliau. Kepada Ketua Jabatan, Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan serta semua pensyarah Bimbingan dan Kaunseling, khususnya Dr.Ibrahim Hashim, Puan Salimah Mat Sah serta Encik Hushim Salleh yang telah memberikan tunjuk ajar dan menyebarkan ilmu pengetahuan yang amat berguna kepada saya sepanjang mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan, terima kasih diucapkan.

Kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor Darul Takzim serta sekolah tempat kajian ni dijalankan saya hulurkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana memberikan kerjasama dan komitmen yang baik.

Tidak saya lupakan ahli keluarga saya, terutama suami, ibu dan anak-anak saya yang berlima serta Nora kerana sangat memahami keadaan saya dan menjadi sumber inspirasi. Rakan sepengajian iaitu Norida, Yus, Suma, Zana, dan Jah moga tuhan memberkati ketabahan dan keluhuran hati kalian. Rakan-rakan karib Khadijah, Zariah, Jainabee dan Boon terima kasih atas dorongan kalian.

Suria Binti Baba.